

Nama			
Kelas		Tarikh	

### Bahasa Melayu Brunei Latihan 1

No	Perkataan	Maksud	Contoh
1	<b>Alum</b>	Belum	Siti <b>alum</b> lagi menyiapkan kerja rumah.
2	<b>Awar</b>	Malu, segan, sopan	Muiz berasa <b>awar</b> apabila bertemu dengan pengetua sekolah.
3	<b>Ayung</b>	Terasa pening, terhuyung-hayang	Zamri berasa <b>ayung</b> setelah berdiri terlalu lama di bawah sinaran matahari.
4	<b>Ambung</b>	Sombong	Ramai yang tidak suka dengan Zalina kerana dia seorang yang <b>ambung</b> .
5	<b>Ambuk</b>	Monyet, kera	Kelihatan <b>ambuk</b> itu sedang memakan pisang di kebun Haji Rahim.
6	<b>Ajai</b>	Dagu	<b>Ajai</b> adik Zarina berdarah akibat terjatuh ke lantai.
7	<b>Buntak</b>	Pendek	Ketinggian Nazirah lebih <b>buntak</b> dari kakaknya Najihah.
8	<b>Buntu</b>	Busuk	Ikan dijual oleh nelayan itu sudah <b>buntu</b> .
9	<b>Buyah</b>	Buih	Menurut cerita orang-orang tua, Puteri Laila Menchanai timbul daripada <b>buyah</b> di laut.
10	<b>Bida</b>	Hodoh	Ramai pelajar tidak suka padanya kerana mukanya <b>bida</b> .
11	<b>Bunal</b>	Montok, gempal	Anak perempuan kepada Cikgu Siti kelihatan <b>bunal</b> .
12	<b>Babau</b>	Bisu	Walaupun Sarina seorang pelajar yang <b>babau</b> tetapi dia boleh mendengar dan melihat dengan baik.

### LATIHAN

Isikan tempat kosong dengan Bahasa Melayu Brunei yang sesuai.

- Luka pada \_\_\_\_\_ Salina kelihatan begitu dalam.
- Badan adik Siti yang baru lahir itu begitu \_\_\_\_\_.
- Tuan Salleh memelihara seekor \_\_\_\_\_ dirumahnya.
- Walaupun Wira seorang yang \_\_\_\_\_ tetapi dia boleh melihat dengan baik.
- Anak Zaleha seorang yang \_\_\_\_\_. Ramai yang tidak menyukainya.
- Suzi tidak suka dengan Amirah kerana rupanya yang \_\_\_\_\_.
- Siti berasa \_\_\_\_\_ setelah termakan ubat itu.
- Rambut Azim kelihatan \_\_\_\_\_ daripada rambutnya sebelum ini.
- Bapa \_\_\_\_\_ membayar hutangnya dengan Tuan Razali.
- Ikan yang dibeli oleh ibu sudah \_\_\_\_\_ kerana terlupa disimpan dalam peti sejuk.
- Saiful berasa \_\_\_\_\_ apabila berjumpa dengan kekasihnya.
- Kelihatan \_\_\_\_\_ di sungai itu semakin banyak.